

Jerebu dijangka pulih minggu depan
AstroAwani
21 September 2019

KUALA LUMPUR: Fenomena jerebu yang melanda negara ini sejak dua minggu lepas, dijangka bertambah baik berikutan fasa peralihan monsun akan bermula pada 24 Sept sehingga awal November ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Jailan Simon berkata dalam tempoh itu, kawasan serantau negara akan menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan yang lemah dan berpotensi untuk pembentukan awan ribut petir.

"Semasa fasa peralihan monsun, keadaan cuaca yang lazim berlaku adalah ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang dalam jangka masa yang singkat.

"Keadaan ini terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah, kawasan barat dan tengah Sarawak," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Jailan menambah, keadaan cuaca itu berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Beliau berkata permulaan fasa itu menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang telah bermula pada 6 Mei lalu.

Orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh ini dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh METMalaysia melalui laman web www.met.gov.my, aplikasi myCuaca dan media sosial.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jerebu-dijangka-pulih-minggu-depan-218123>